

Fair Usage Policy (“Policy”)

3rd May 2016

1. Introduction

The purpose of our Fair Usage Policy is to ensure that we can give you Service (defined below) that is of great value, fast and reliable and do not use our Service in a manner that we consider ‘unreasonable’ or ‘unacceptable’. You must, therefore, make sure that any use of the Service, by yourself or anyone else via your account, complies with this Policy.

The word “Service” means “any mobile services, internet/broadband services, home phone services and/or any online services made available on the Website from time to time”.

The word “Website” means the World Wide Web operated by or for and on behalf of webe digital sdn bhd (571389-H) (Formerly known as Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd).

2. Our Right to make Changes

WE CAN CHANGE THE TERMS OF THIS FAIR USAGE POLICY AT ANY TIME WITHOUT PRIOR NOTICE. AS SUCH, YOU SHOULD LOOK AT THE TERMS OF THIS FAIR USAGE POLICY REGULARLY. WHEN CHANGES ARE MADE, IT WILL BE EFFECTIVE IMMEDIATELY UPON POSTING ON OUR WEBSITE. YOU UNDERSTAND AND AGREE THAT IF YOU CONTINUE TO MAINTAIN AN ACCOUNT WITH US, CONTINUES TO ACCESS, AND/OR USE OUR SERVICE, AFTER THE DATE ON WHICH SUCH TERMS HAVE CHANGED, WE SHALL TREAT YOU HAVE ACCEPTED THOSE CHANGES.

3. What You Must Not Do

We consider your use of the Service unreasonable or unacceptable in the examples of uses provided below. This is not intended to be an exhaustive list:-

- if you are a personal subscriber using the Service in a way which could not be reasonably regarded as ordinary personal use, (i.e. for personal, domestic or household use only and not for commercial purposes);
- if you are a business subscriber, including a small and medium business subscriber to big corporation subscriber, using the service in way which could not be reasonably regarded as ordinary business use;
- abnormal or excessive use of back to base services;
- SIM boxing or using the Service in connection with a device that switches or re-routes calls to or from our network to another carrier's network;
- wholesaling any Service or using the Service in connection with any device that switches or reroutes calls potentially keeping a line open for hours;
- using the Service to wholesale supply of any service (including transit, refile or aggregate domestic or international traffic) on our network;
- using the Service for the purposes of arbitrage;

- using the Service in connection with a device that automatically dials numbers either from a list or are generated randomly;
- using the Service to make or receive calls on our network for the purposes of resale, resupply or commercial exploitation; or
- using the Service for continuously call forwarding or multiple simultaneous calling;
- using the Service for bulk messaging;
- using the service to send unsolicited or unwanted commercial electronic messages to individuals or businesses;
- making excessive use of, or placing unusual burdens on, the network, for example by sending or receiving large volumes of email or excessively large email attachments;
- using a 'mobile voice' SIM card in a non 'mobile voice' device;
- using the Service for anything which isn't standard person to person communication;
- use any equipment or devices on our network (including SIM cards) which have not been approved or authorised by us.;
- sending, receiving, publishing, posting, distributing, disseminating, encouraging the receipt of, uploading, downloading or using any material which is offensive, abusive, defamatory, indecent, obscene, unlawful, harassing, causing distress or inconvenience to any person, disrupting the normal flow of dialogue, or menacing or a breach of the copyright, trademark, intellectual property, confidence, privacy or any other rights of any person when using the Service;
- using the Service for any unlawful, fraudulent, criminal or otherwise illegal activities;
- if you provide us with false user information to use the service;
- using the service to gain improper access to another person's private or personal information;
- using the service to distribute or make available material that is misleading or deceptive as to your identity;
- using the Service to monitor data or traffic on any network or system if you do not have the authorisation of the owner of the network or system to do so;
- using the Service in a way which interferes or disrupts the service, any computer system access through it or any other person's use of it;
- using the Service to obtain or attempt to obtain unauthorised access to any computer, system or network;
- knowingly or negligently creating, transmitting, storing, publishing or uploading any electronic material (including, without limit, files that contain viruses, corrupted files, Trojans or any other similar software or program) which is known or likely to cause, interrupt, damage, destroy or limit the functionality of any computer software, hardware or telecommunications equipment owned by us or any other Internet user or person;
- anything that may disrupt or interfere with our network or Service or cause a host or the network to crash; or
- uploading and/or downloading of files containing very large amounts of data (e.g. Peer-to-Peer traffics like Bit Torrent or other similar file sharing applications when using our Service.

4. **What about Security?**

You're responsible for:-

- (a) ensuring that security information remains confidential, so that the network cannot be used by any unauthorised person. The security information includes, but is not limited to, information controlling access to: (i) any equipment, computer hardware systems or networks; (ii) any computer software or applications; or (iii) any other services accessed by you in the use of either of the above; and
- (b) taking all reasonable steps necessary to prevent a third party obtaining access to the network;

You shall not disclose any security information to any third party, or use the same for any purpose connected with the improper use of the network including accessing or attempting to access other parts of the Service for which you do not have access rights. If you share access with others (for example, your neighbours) any downloads they make will be counted as your use and count towards any monthly download allowance or excessive usage.

5. **Usage by children under the age of 18, employees and anyone without your knowing.**

You're responsible for all use of the Service through your account and for any breach of this Policy whether an unacceptable use occurs or is attempted, whether you knew or should have known about it, whether or not you carried out or attempted the unacceptable use alone, contributed to or acted with others or allowed any unacceptable use to occur by omission. You agree that we are not responsible for any of your activities in using the network. It's your responsibility to determine whether any of the content accessed via the Service is appropriate for children or anyone else in your household or office to view or use.

6. **Monitoring Compliance**

We are under no obligation to monitor your transmissions or any content you publish using the Service. However, we may from time to time monitor transmissions or published content to protect our network, our other subscribers and the general public as well as to ensure you are complying with the terms of this Policy. We may need to disclose any findings as required to regulatory authorities.

We take active steps to minimise the amount of spam on our network, which may include:

- (a) restricting your ability to forward emails,
- (b) limiting your access to the service to a closed user group relevant to your use of the service, and/or
- (c) requiring you to rectify any misconfigured mail and / or proxy servers.

We may provide your username, IP address or identifying material to law enforcement authorities when required to do so.

We may block access to, remove, or refuse to post any content which you attempt to post which we consider offensive, indecent, unlawful or otherwise inappropriate regardless of whether such content is actually unlawful.

We may be directed by a regulatory or other law enforcement body to remove content from our servers or to prevent users from accessing content from the internet. We may also be required to remove



copyright materials from our servers or to prevent users from accessing copyright materials from the internet by a copyright owner.

7. Breach of the Policy

If you breach any part of this Policy we will, generally speaking, contact you and, if appropriate, ask you to modify your use of the Service. If you do not modify your use of the Service we may suspend or cancel your Service without notice to you. However, in certain circumstances such as unlawful, fraudulent, criminal or otherwise illegal activities, or non-ordinary use, we reserve the right to suspend or cancel your service immediately and without notice to you. Upon cancellation of an account, we are authorised to delete any content, files, programs, and data associated with the account.

8. Report

To report any unlawful, fraudulent, criminal or otherwise illegal activities or unacceptable use of our Service, please send an email to

Name: Customer Service Support
Address: webe digital sdn bhd (Formerly known as Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd
159 Jalan Templer
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Email: careline@p1.com.my

3rd May 2016

1. APAKAH KENYATAAN PRIVASI?

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") telah digubal oleh kerajaan Malaysia bagi mengawal pemprosesan Data Peribadi dalam semua transaksi yang bersifat komersial. Sebagai sebuah syarikat yang ditubuh di Malaysia, adalah tanggungjawab kami di bawah APDP untuk memaklum dan menjelaskan kepada anda tentang hak-hak anda mengenai Data Peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah) anda yang telah kami kumpulkan, atau akan dikumpulkan dan selanjutnya diproses oleh kami, dan tujuan-tujuan pengumpulan dan pemprosesan Data Peribadi anda. APDP juga memerlukan kami untuk mendapatkan kebenaran anda dahulu sebelum kami memproseskan Data Peribadi anda.

Maka kami ingin anda faham bagaimana kami akan menggunakan Data Peribadi anda dan langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk melindungi privasi anda. Kenyataan Privasi ini menerangkan jenis-jenis maklumat yang kami kumpulkan, bagaimana maklumat tersebut digunakkan dan disimpan, kepada siapa maklumat tersebut akan dikongsikan, bagaimana anda menarik balik segala maklumat yang telah dibekalkan kepada kami, dan bagaimana anda boleh membetulkan Data Peribadi dan segala perubahan yang telah dilakukan kepadanya dari masa ke semasa.

2. **PINDAAN, PERUBAHAN DAN PENGEMASKINIAN**

Kenyataan Privasi kami mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa. Sebagai akibatnya, perubahan yang selaras dengan pindaan tersebut akan dilakukan kepada Kenyataan Privasi ini dan kami akan meminda Kenyataan Privasi tanpa notis terdahulu. Sila menyemak Kenyataan Privasi ini dengan kerap, terutamanya sebelum anda memberikan apa-apa Data Peribadi anda kepada kami. Tarikh terkini Kenyataan Privasi ini dikemaskini adalah seperti yang dinyatakan di atas. Penggunaan anda terhadap produk dan perkhidmatan kami (“Perkhidmatan”) secara berterusan selepas segala perubahan, pembedulan dan pengubahsuaian terhadap Kenyataan Privasi ini akan dianggap sebagai persetujuan anda terhadap terma-terma yang terkandung dalam Kenyataan Privasi ini seperti mana yang telah dipinda.

3. **NASIHAT IBU BAPA**

SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU PERKHIDMATAAN KAMI ADALAH TIDAK SESUAI UNTUK PENGGUNA YANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN KERANA PERKHIDMATAN TERSEBUT KEMUNGKINAN BOLEH MEMBEKALKAN AKSES KEPADA KANDUNGAN EXPLISIT TERMASUK YANG MELIBATKAN PENGGUNAAN BAHASA YANG TIDAK SENONOH DAN/ATAU RUJUKAN SEKSUAL. SEKIRANYA ANDA BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN, SILA MENDAPATKAN KEBENARAN DARIPADA IBUBAPA/PENJAGA ANDA SEBELUM ANDA MENGGUKAN PERKHIDMATAN KAMI. JANGAN MEMBERIKAN DATA PERIBADI ANDA KECUALI APABILA KEBENARAN IBUPABA/PENJAGA ANDA TELAH PUN DIPEROLEHI. ADALAH DINASIHATKAN SUPAYA BUDI BICARA IBU BAPA DIGUNAKAN UNTUK SEMUA PENGGUNA YANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN. IBUBAPA/PENJAGA ADALAH DIGALAKKAN SUPAYA MENGAWAS PENGGUNAAN PERKHIDMATAN LAMAN WEB OLEH KANAK-KANAK ANDA DAN MEMBANTU UNTUK MENGUATKUASAKAN KENYATAAN PRIVASI KAMI DENGAN MENGARAH KANAK-KANAK ANDA SUPAYA TIDAK MEMBERIKAN DATA PERIBADI MEREKA MELALUI PERKHIDMATAN KAMI TANPA KEBENARAN ANDA. JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBAB UNTUK MEMPERCAYAI BAHAWA SESEORANG KANAK DI BAWAH UMUR 18 TAHUN TELAH MEMBERIKAN DATA PERIBADANYA KEPADA KAMI MELALUI PERKHIDMATAN KAMI, SILA BERHUBUNG DENGAN KAMI DAN KAMI AKAN BERUSAHA UNTUK MEMADAM INFORMASI TERSEBUT DARIPADA PANGKALAN DATA (DATABASE) KAMI. KECUALI JIKA DIBERITAHU SEBALIKNYA, SEMUA DATA PERIBADI YANG DIBERIKAN OLEH SESEORANG PENGGUNA AKAN DIANGGAP SEBAGAI PEMBERIAN DATA YANG DILAKUKAN OLEH SEORANG PENGGUNA BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS ATAU DENGAN KEBENARAN DARIPADA IBUBAPA/PENJAYANYA.

4. **BILAKAH KENYATAAN PRIVASI INI BOLEH DIGUNAPAKAI KE ATAS ANDA?**

Kenyataan Privasi ini boleh digunapakai ke atas anda sebaik sahaja anda menghantar permohonan anda untuk melanggan Perkhidmatan kami dan menggunakan Perkhidmatan tersebut secara berterusan.

5. **ADAKAH PERLU UNTUK KAMI MENGUMKUL DAN MEMPROSES DATA PERIBADI ANDA?**

Ya. Kami perlu mengumpul dan memproses Data Peribadi anda untuk membolehkan kami membekalkan Perkhidmatan kepada anda dan kami tidak boleh membekalkan Perkhidmatan tersebut kepada anda sekiranya kami gagal untuk mendapat kebenaran anda untuk mengumpul dan memproses Data Peribadi anda.

6. INFORMASI YANG KAMI KUMPULKAN

Kami akan mengumpulkan informasi melalui dua (2) cara

- (a) **DATA PERIBADI YANG DIBERIKAN OLEH ANDA.** Kami mengumpulkan informasi (contohnya, nama, jantina, alamat surat menyurat, nombor Kad Pengenalan, paspot, visa pelajar, visa kerja, tarikh lahir, nombor telefon, nombor faks, alamat emel, informasi kad kredit/debit, gambar dan sebagainya) apabila anda dengan relanya memberikan informasi tersebut kepada kami dan apabila diperlukan. Senarai di atas adalah tidak lengkap dan akan dirujuk secara kolektif sebagai “Data Peribadi”.
- (b) **INFORMASI YANG KAMI PEROLEHI DARIPADA PENGGUNAAN ANDA ATAS PERKHIDMATAN KAMI.** Semasa anda berinteraksi bersama kami melalui Perkhidmatan kami, kami mungkin mengumpul atau menerima dan menyimpan sesetengah maklumat yang tidak boleh mengenalpasti anda secara peribadi. Maklumat seperti ini adalah dikumpul secara pasif melalui beberapa teknologi yang tidak boleh digunakan untuk mengenalpasti identiti anda secara spesifik buat masa kini. Maklumat seperti ini termasuk:-

- Informasi berkenaan dengan peranti anda seperti model peranti, sistem pengendalian, pengecam peranti unik, maklumat rangkaian mudah alih, memori, data kad bunyi, alamat protokol Internet (IP).
- Cookies yang mengenalpasti pelayar laman web anda. Perkara ini akan dijelaskan secara terperinci di bawah.
- Maklumat berkenaan dengan cara anda menggunakan Perkhidmatan kami seperti pertanyaan carian anda.
- jumlah pelawat yang menggunakan Perkhidmatan kami dan jumlah pelawat mengunjungi setiap halaman Perkhidmatan kami.
- Data diagnostik dan penggunaan yang dijana oleh peranti anda. Perkara ini akan dijelaskan secara terperinci di bawah.
- cara pengguna-pengguna kami mengguna dan berinteraksi melalui Perkhidmatan kami.

Kesemua perkara di atas adalah dirujuk secara kolektif sebagai “Informasi”. Sekiranya kami menggabungkan informasi yang bukan peribadi dengan data peribadi, informasi yang telah digabung dengan data peribadi tersebut akan dianggap sebagai Data Peribadi sepanjang masa informasi tersebut bergabung dengan data peribadi.

Sebagai usaha kami untuk lebih memahami pengguna-pengguna Perkhidmatan kami, kami sentiasa menjalankan penyelidikan terhadap maklumat demografik, minat dan kelakuan pelanggan kami berdasarkan Data Peribadi dan Informasi yang telah dibekalkan kepada kami. Hasil penyelidikan tersebut boleh disusun dan dianalisis secara agregat. Data agregat tersebut mungkin akan dikongsi dengan Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa (seperti yang ditakrifkan kemudian selepas ini) yang tidak mengenalpasti mana-mana satu individu. Kami juga boleh mendedahkan statistic pengguna kami bagi tujuan penerangan Perkhidmatan kami kepada Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa dan semua bakal rakan niaga kami dan kepada mana-mana satu pihak ketiga untuk memenuhi apa-apa tujuan yang sah.

“Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa” bermaksud pihak-pihak yang bertindak sebagai rakan niaga kami, kontraktor, ejen, juruaudit, penasihat, mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang

mempunyai segala susunan bersama kami, yang berkenaan dengan Perkhidmatan kami dan/atau pembekal pihak ketiga yang dilantik oleh kami bagi tujuan pembekalan Perkhidmatan kami.

7. PENGGUNAAN DATA PERIBADI DAN INFORMASI ANDA

Kami akan menggunakan Data Peribadi dan Informasi anda dengan cara selaras dengan Kenyataan Privasi ini. Sekiranya anda telah memberikan Data Peribadi anda atas sebab-sebab tertentu, kami boleh menggunakan Data Peribadi anda dengan cara yang berkaitan dengan sebab-sebab tersebut. Kami, affiliate kami dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa mungkin menggunakan Data Peribadi dan Informasi anda untuk satu atau lebih daripada satu tujuan-tujuan berikut:-

- (a) untuk menilai permohonan anda,
- (b) untuk menyemak kelayakan kredit anda,
- (c) untuk mengendali dan membekal Perkhidmatan kami kepada anda,
- (d) untuk mengurus tadbir akaun anda,
- (e) untuk menjana profil keutamaan Perkhidmatan kami;
- (f) untuk menguruskan Perkhidmatan kami secara teknikal,
- (g) untuk mengesahkan dan memproses pembayaran semasa anda menggunakan Perkhidmatan kami,
- (h) untuk mengesahkan dan merekod butir-butiran peribadi anda termasuk melakukan perbandingan butir-butiran tersebut dengan informasi yang kami peroleh dari sumber-sumber lain dan menggunakan informasi tersebut untuk berkomunikasi dengan anda,
- (i) untuk membalas segala pertanyaan anda,
- (j) untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan,
- (k) untuk melakukan operasi dan aktiviti pembiayaan dan pemasaran dan/atau seperti mana yang diperlukan oleh syarat-syarat Perkhidmatan kami termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kawalan kredit,
- (l) untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan,
- (m) untuk menyiasat apa-apa aduan dan transaksi yang mencurigakan,
- (n) untuk mematuhi keperluan undang-undang atau arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan,
- (o) untuk mengendalikan penyelidikan pasaran termasuk jumlah bilangan pengguna-pengguna, kekerapan kegunaan, profil pengguna-pengguna dan menggunakan hasil analisis tersebut untuk perancangan perniagaan, penambahbaikan Perkhidmatan kami, pengiklanan bersasaran dan menyalurkan informasi tersebut secara agregat kepada Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa atau pihak ketiga yang mempunyai atau bercadang untuk menjalankan urusan perniagaan dengan kami,
- (p) untuk menghasilkan analisis statistik,
- (q) untuk membekalkan anda informasi tentang lain-lain produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami, affiliate kami, Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa, rakan niaga kami dan/atau pihak-pihak yang ditetapkan oleh anda dan segala perkara yang berkaitan dengannya,
- (r) untuk memberitahu anda tentang sebarang information, promosi, kemaskini termasuk bahan pemasaran dan iklan yang berkaitan dengan Perkhidmatan kami atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh affiliate, rakan niaga atau organisasi pihak ketiga yang dipilih oleh kami.
- (s) untuk apa-apa aktiviti perniagaan kami yang dibenarkan oleh apa-apa undang-undang,
- (t) apa-apa aktiviti-aktiviti sampingan kepada Perkhidmatan kami.

Kesemua perkara di atas adalah dirujuk secara kolektif sebagai “Tujuan” dalam Kenyataan Privasi ini.

Anda dengan ini menyatakan mengesahkan bahawa sekiranya anda telah membekalkan kepada kami apa-apa Data Peribadi kepunyaan pihak ketiga melalui apa-apa aplikasi dan/atau mendedahkan kepada kami, anda telah pun memperoleh kebenaran daripada pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami memproses Data Peribadi tersebut bagi Tujuan yang dinyatakan di atas.

Sekiranya kami berhasrat untuk menggunakan apa-apa Data Peribadi dengan apa-apa cara yang tidak selaras dengan Kenyataan Privasi ini, anda akan diberitahu tentang penggunaan (yang tidak selaras dengan Kenyataan Privasi ini) tersebut sebelum atau apabila kami mengumpulkan Data Peribadi.

8. PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA

Kami tidak berniaga untuk menjual informasi anda. Kami menganggap informasi ini sebagai sebahagian penting daripada perhubungan kami dengan anda. Maka kami tidak akan menjual atau menyewa Data Peribadi anda kecuali dan melainkan apa-apa yang telah dinyatakan di sini. Walau bagaimanapun, kami mungkin akan mengkongsikan Data Peribadi anda dengan sesetengah pihak ketiga tanpa sebarang notis kepada anda, dalam keadaan yang dinyatakan di bawah.

Pemindahan Perniagaan. Berikutan pembangunan perniagaan kami, kami mungkin menjual atau memperoleh perniagaan-perniagaan atau aset-aset. Dalam keadaan seperti penjualan, penggabungan, penyusunan semula, pembubaran korporat atau apa-apa keadaan yang serupa sifatnya, Data Peribadi anda yang telah kami perolehi boleh menjadi sebahagian daripada aset yang telah dipindahkan.

Entiti-entiti Gabungan. Kami mungkin mengkongsikan Data Peribadi anda dengan entiti-entiti gabungan kami bagi tujuan yang selaras dengan Kenyataan Privasi ini.

Keperluan Undang-undang. Kami berhak untuk mendedahkan Data Peribadi anda untuk mematuhi sebarang perintah mahkamah atau arahan yang ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa bagi tujuan penyiasatan sebarang kesalahan atau penyalahgunaan yang didakwa berlaku atau untuk menguatkuasakan apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan terhadap anda, atau jika kami menentukan bahawa pendedahan Data Peribadi anda adalah perlu untuk melindungi dan mempertahankan hak atau harta kami.

Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa. Sekiranya perkhidmatan-perkhidmatan tertentu daripada Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa adalah diperlukan, kami akan mengkongsikan Data Peribadi anda secara sulit dengan pihak ketiga yang berkenaan. Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa tersebut tidak akan dibenarkan untuk menggunakan maklumat peribadi anda yang telah kami dedahkan kepadanya melainkan untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu.

Agensi Penilaian Kredit. Kami akan mendedahkan Data Peribadi dan informasi berkenaan dengan pengendalian akaun atau akaun perniagaan anda kepada mana-mana agensi penilaian kredit pada bila-bila masa. Data Peribadi dan informasi yang telah dibekalkan kepada mana-mana agensi penilaian kredit mungkin akan didedahkan kepada pelanggan-pelanggan perkhidmatan agensi-agensi tersebut.

PENYATA BERIKUT TIDAK BERKAITAN DENGAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 TETAPI KAMI INGIN MEMAKLUMKAN ANDA YANG BERIKUT:-

9. PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA

Perkhidmatan kami mungkin mengandungi pautan atau platform kepada aplikasi, laman web dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga untuk membolehkan pembekalan Perkhidmatan tertentu kepada anda (“Perkhidmatan-perkhidmatan Pihak Ketiga”). Perkhidmatan-perkhidmatan Pihak Ketiga ini mungkin mengandungi, dari masa ke semasa, pautan ke laman web lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap isi kandungan laman web kepunyaan pihak ketiga atau cara-cara pihak ketiga menangani maklumat peribadi anda. Anda harus menyemak dasar privasi Perkhidmatan-perkhidmatan Pihak Ketiga yang berkenaan. Kenyataan Privasi ini hanya terpakai kepada Data Peribadi dan Informasi yang dikumpulkan oleh Perkhidmatan kami.

10. COOKIES

Apakah itu Cookie?

Semasa anda menggunakan Perkhidmatan kami, cookie akan dihantar ke peranti anda secara automatik. Cookie merupakan fail bersaiz kecil mengandungi rentetan aksara yang ditempatkan dalam cakera keras peranti anda untuk membolehkan pelayan (server) kami mengecam peranti anda. Secara umumnya, cookie hanya merekodkan informasi berkenaan dengan bahagian laman web yang telah dilawati dan masa yang digunakan untuk melawatnya oleh sebuah peranti yang tertentu. Ramai laman web dan/atau aplikasi berbuat demikian apabila seseorang pengguna melawatnya untuk mengesan aliran trafik laman web atau aplikasi tersebut.

Tergantung pada jenis peranti anda sedang gunakan, anda boleh tetapkan peranti anda untuk sama ada menerima semua cookie, memaklumkan kepada anda apabila cookie dihantar atau menolak semua cookie pada bila-bila masa. Sekiranya anda memilih untuk menolak semua cookie yang dihantar pada bila-bila masa, sesetengah ciri perkhidmatan yang disesuaikan untuk anda mungkin tidak dapat dibekalkan.

Cookie kami:-

Kami menggunakan cookie untuk menyimpan dan mengesan informasi tentang anda dan penggunaan anda terhadap Perkhidmatan kami.

Cookie kami dan informasi yang kami janakan daripadanya adalah digunakan selaras dengan Tujuan yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi ini dan secara khususnya akan digunakan untuk:-

- Membantu untuk menyimpan dan mendapat kembali kata laluan yang telah digunakan terhadap Perkhidmatan kami. Dengan ini, anda tidak perlu untuk memasuki semula maklumat anda pada setiap lawatan baru kepada Perkhidmatan kami.
- mengesan maklumat seperti kekerapan dan tempoh masa anda gunakan untuk menikmati Perkhidmatan kami, *klik-strim* anda apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami, laman web keutamaan anda dan membantu kami untuk mengenalpasti cara anda datang kepada Perkhidmatan kami sama ada daripada pautan internet tertentu atau iklan banner;
- menganalisis profil pelawat dan pengguna untuk membantu kami dalam penyediaan Perkhidmatan yang lebih baik kepada anda dan untuk penambahbaikan Perkhidmatan kami;

- untuk menyesuaikan kandungan, banner dan promosi yang anda akan lihat pada Perkhidmatan kami.

Kebanyakan cookie adalah cookie sesi, maknanya, cookie akan dipadamkan secara automatik daripada peranti anda pada penamatan setiap sesi pelayaran. Anda adalah bebas untuk menolak cookie sekiranya dibenarkan oleh tetapan peranti anda, walaupun ia bermakna anda tidak akan dapat menikmati sesetengah ciri-ciri Perkhidmatan kami dan anda mungkin diperlukan untuk memasuki kata laluan anda dengan lebih kerap pada setiap sesi.

Cookie Pihak Ketiga:

Kami mungkin menghidangkan iklan melalui syarikat pengiklanan pihak ketiga semasa anda mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan kami. Semasa iklan tersebut sedang dihidangkan, pengiklan-pengiklan pihak ketiga kami mungkin menempatkan atau mengenalpasti cookie yang unik pada peranti anda. Syarikat-syarikat tersebut mungkin menggunakan informasi yang didapati daripada cookie mereka untuk menghidangkan iklan yang disesuaikan mengikut minat anda, sama ada mengenai Perkhidmatan kami atau produk dan perkhidmatan yang lain.

KAMI TIDAK MEMPUNYAI APA-APA AKSES ATAU KAWALAN TERHADAP COOKIE PIHAK KETIGA DAN MEREKA ADALAH TIDAK TERTAKLUK KEPADA KENYATAAN PRIVASI KAMI. SILA MENYEMAK DASAR PRIVASI LAMAN-LAMAN WEB PIHAK KETIGA MASING-MASING UNTUK MAKLUMAT LANJUT. Jika anda ingin menghalang mana-mana satu syarikat pihak ketiga daripada menempatkan dan membaca cookie yang ditempatkan ke dalam peranti anda, anda perlu melawat laman web syarikat pihak ketiga tersebut dan meminta supaya anda dikeluarkan daripada sistem mereka.

11. MAKLUMAT DIAGNOSTIK DAN PENGGUNAAN

Kami berharap anda dapat membantu untuk menambahbaik kualiti dan prestasi Perkhidmatan kami. Kami boleh mengumpul maklumat diagnostic dan penggunaan peranti yang digunakan oleh anda untuk dianalisis. Maklumat tersebut akan diserahkan kepada kami tanpa nama. Maklumat ini tidak mengenal pasti anda secara peribadi dan tidak mengandungi imej atau teks anda. Sekiranya anda setuju dengan kami mengumpul maklumat diagnostic dan penggunaan anda, ia mungkin melibatkan laporan ranap aplikasi dan ciri-ciri Perkhidmatan kami yang digunakan oleh anda dan kekerapan penggunaan tersebut. Maklumat seperti ini akan menunjukkan kepada kami jenis peranti yang digunakan oleh anda dan sistem pengendaliannya. Anda adalah dimaklumkan bahawa fungsi laporan maklumat diagnostik dan penggunaan adalah diaktifkan secara lalai.

12. MENARIK BALIK, TUKAR, KEMASKINI DAN AKSES KEPADA DATA PERIBADI ANDA

Anda mungkin boleh mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan kami tanpa memberikan kepada kami apa-apa Data Peribadi anda. Jika anda memilih untuk tidak memberikan apa-apa Data Peribadi anda, anda mungkin tidak dapat mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan kami yang tertentu.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk memberikan kepada kami Data Peribadi anda, kami boleh menggunakan Data Peribadi tersebut untuk menghubungi anda pada masa yang akan datang untuk memberitahu anda tentang perkhidmatan-perkhidmatan kami yang kami percayai mungkin diminati oleh anda.

Sehubungan dengan pemasaran langsung di bawah perenggan 7(r) di atas, anda boleh membuat permohonan bertulis kepada kami supaya tidak memproses Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut.

Anda boleh menulis kepada kami melalui alamat emel yang dinyatakan di dalam Kenyataan Privasi ini pada bila-bila masa untuk mendapatkan informasi tentang Data Peribadi anda yang kami miliki. Sila rujuk kami dengan menyatakan nama, nombor kad pengenalan dan number telefon bimbit anda dengan maklumat ringkas berkenaan yang mana anda ingin meminta sesalinan. Kami akan mengenakan fi pemprosesan munasabah yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menampung kos pentadbiran kami.

Kami berhak untuk menolak permintaan anda untuk membekalkan sesalinan Data Peribadi anda dengan memberitahu alasan penolakan kami.

Kami akan mengekalkan Data Peribadi anda dalam rekod perniagaan kami sepanjang waktu anda bersama kami sebagai pelanggan Perkhidmatan kami atau apabila anda terus menggunakan dan/atau mengakses Perkhidmatan kami. Kami juga akan mengekalkan maklumat tersebut untuk tempoh masa selepas anda tidak lagi merupakan pelanggan kami atau anda telah berhenti menggunakan atau mengakses Perkhidmatan kami jika ia adalah wajib untuk tujuan berkenaan yang mana maklumat tersebut dikumpul atau untuk memenuhi keperluan undang-undang.

13. SEKURITI

Perkhidmatan yang kami bekalkan kepada anda mungkin bukanlah perantara yang selamat dan komunikasi yang dilakukan melalui Perkhidmatan kami mungkin boleh dipintas oleh pihak ketiga. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kehilangan atau akses kepada Data Peribadi yang tidak sah.

Kami telah mengambil dasar-dasar dan peraturan-peraturan keselamatan dan langkah-langkah teknikal yang berkenaan untuk melindungi Data Peribadi anda daripada pengaksesan, penggunaan, pendedahan, pengubahsuaian dan/atau pemusnahan yang tidak sah, atau kehilangan yang tidak diingini. Semua pekerja dan pemproses data kami yang mempunyai akses kepada dan berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda adalah diwajibkan untuk menghormati kerahsiaan informasi anda.

Walaupun kami tidak boleh menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan atau perubahan terhadap Data Peribadi tidak akan berlaku, kami tetap akan mengambil langkah yang munasabah sebagai usaha kami untuk mengelakkan insiden-insiden yang tidak dimahukan daripada berlaku.

Data Peribadi yang kami kumpulkan daripada anda akan disimpan dan disandar dengan selamat di lokasi yang terhad dan diakwal. Hanya kakitangan yang disahkan oleh kami dan diberi name pengguna dan kata laluan boleh mengakses informasi tersebut.

Anda harus log keluar daripada sistem kami selepas anda menggunakan dan/atau mengakses Perkhidmatan kami dan/atau menutup penyemak imbas ("*Browser*") supaya tiada sesiapa pun boleh mempunyai akses kepada maklumat anda. Anda tidak harus pada bila-bila masa mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga.

14. PEMINDAHAN DATA PERIBADI DAN INFORMASI ANDA KE LUAR NEGARA

Ia mungkin perlu untuk kami memindahkan Data Peribadi dan Informasi anda ke syarikat-syarikat kumpulan kami yang lain atau pembekal Perkhidmatan yang berlokasi di luar Malaysia. Ia mungkin berlaku apabila Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa adalah berlokasi di luar Malaysia dan/atau semasa anda guna atau akses Perkhidmatan kami dari luar negara. Dengan menggunakan dan mengakses Perkhidmatan kami secara berterusan, anda telah bersetuju dengan pemindahan seperti yang tersebut di atas.

15. HUBUNGI LAMAN WEB INI

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan mengenai urusan anda dengan Perkhidmatan kami, sila kemukakan kepada pihak kami melalui butir-butir yang dinyatakan di bawah:

Nama: Pegawai Perlindungan Data Peribadi
Alamat: webe digital sdn bhd (Dahulu dikenali sebagai Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd
159 Jalan Templer 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Emel: careline@p1.com.my

16. BAHASA

Sekiranya terdapat apa jua perbezaan dalam penggunaan istilah dan/atau tafsiran di antara versi Bahasa Inggeris Kenyataan Privasi dan terjemahannya dalam Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.